

Hati Budi Melayu Dalam Warkah Melayu Lama

The Noble Virtues of the Malays in Old Malay Letters

Isnariah Idris¹, Khushairi Fadzal², Abdul Rashid Daing Melebek³

ABSTRAK

Orang Melayu kaya dengan nilai kehidupan yang diwarisi turun-temurun. Salah satu daripada keperibadian sosial tersebut ialah berhati budi mulia, yang lahir melalui pertuturan mahupun catatan. Usaha-usaha penguatkuasaan teras hati budi ini perlu sentiasa dilakukan supaya nilai estetika ini terus dijadikan panduan dalam memartabatkan bangsa Melayu. Banyak penulisan yang membuktikan bangsa Melayu mempunyai jati diri tersendiri serta disegani, hingga dapat menguasai kepulauan Melayu suatu ketika dahulu. Rentetan itu, penulisan ini dibuat bagi menambah pembuktian kemurnian hati budi orang Melayu yang digambarkan secara tersirat dalam warkah Melayu lama. Penelitian deskriptif dilakukan ke atas lima pucuk warkah Melayu abad ke-19, kiriman raja dan pembesar Melayu. Warkah-warkah ini mengandungi beberapa fokus teras hati budi Melayu, tetapi nilai mulia kehidupan dipilih untuk penulisan ini. Kaedah analisis kandungan digunakan dalam mengenal pasti nilai yang mencerminkan budi pekerti mulia, budi bahasa yang santun, dan akal budi yang tinggi orang Melayu. Terdapat 12 hati budi Melayu yang terjelma secara tersirat dalam warkah yang dipilih. Hati budi ini ternyata telah mengangkat kemuliaan orang Melayu di mata orang luar serta mengeratkan hubungan dengan orang Inggeris. Sesungguhnya, kekuatan hati budi ini penting kerana menjadi asas serta benteng dalam mengukuhkan peradaban bangsa Melayu.

Kata kunci: Hati Budi Melayu, Warkah Melayu Lama

ABSTRACT

The Malays are rich with life values inherited for generations. One of the social personalities is the noble virtues of the heart, which is revealed through speech as well as writings. Efforts in flourishing the core virtues should be continuously done so as to ensure that the aesthetic values remain as a guide in upholding the dignity of the Malay race. Numerous literatures prove that the Malays possess its own identity and were much respected, which led them to dominate the Malay Archipelago some time ago. As such, this writing is made to add evidence to the noble virtues of the Malays who are implicitly described in the old letters. A descriptive observation was conducted on five Malay letters of the 19th century, corresponded by Malay king and nobles. The old letters contain several core focuses on Malay noble virtues, however noble life values are chosen for this writing. Content analysis method is used in identifying values that reflect the noble virtues, polite etiquette, and high ingenuity of the Malays. There are 12 Malay noble virtues implicitly embodied in the old letters selected. The noble virtues have evidently raised the nobility of the Malays in the eyes of outsiders as well as strengthen

¹ Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia, Serdang, Selangor. isnariahidris@gmail.com

² Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia, Serdang, Selangor. khushairi07@yahoo.com

³ Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia, Serdang, Selangor. rashidmelebek@gmail.com

ties with the British. Indeed, the strength of the noble virtues is significant being the foundation as well as fortress in strengthening the Malay civilisation.

Keywords: *Malay Noble Virtues, Old Malay Letters*

Latar Belakang

Kajian berhubung sifat dan keperibadian sosial orang Melayu amat menarik untuk diketengahkan kerana banyak aspek boleh dibincangkan termasuklah tentang perilaku dan pemikiran dalam menyampaikan mesej. Terdapat banyak kajian dan penulisan yang dihasilkan oleh pengkaji tempatan mahupun luar berhubung keperibadian sosial orang Melayu zaman dahulu dan masa kini. Salah satu penulisan yang berkait dengan gerak laku, tutur kata, tata hidup, serta pemikiran orang Melayu ialah Hati Budi Melayu: Pengukuhan Menghadapi Cabaran Abad Ke-21 yang ditulis oleh Hashim Haji Musa (2008). Kajian dan tulisan ini dekat dengan kehidupan masyarakat Melayu kerana menjurus kepada keseluruhan jati diri serta asas kekuatan pembinaan bangsa Melayu. Sebanyak 26 komponen teras hati budi Melayu yang mencakupi keperibadian sosial orang Melayu telah disusun dan dikategorikan kepada tiga fokus utama iaitu Islam, ilmu (dunia dan akhirat), dan nilai (intrinsik dan ekstrinsik).

Sungguhpun terdapat banyak penulisan tentang keperibadian mulia masyarakat Malaysia, khususnya orang Melayu namun tahap kesantunan dan budi bahasa bangsa ini kian terhakis hari demi hari. Masakan tidak, kempen budi bahasa dan nilai murni yang dilancarkan saban tahun sebenarnya merupakan satu tamparan untuk mengajak masyarakat mengukuhkan kembali jati diri. Selain itu, dapatan kajian majalah *Reader's Digest* pada tahun 2012 yang menyenaraikan Kuala Lumpur pada tangga kedua terakhir daripada 36 bandar raya di dunia yang paling tidak beradab turut menggambarkan tentang kerendahan nilai hati budi bangsa ini. Manakala dalam gelanggang politik pula terdapat segelintir pemimpin yang membahas dan membalas hujah di sidang Dewan Rakyat dengan cercaan dan tidak beradab. Contoh sebegini menjadi ikutan golongan muda, yang seolah-olah menggambarkan kesantunan berkomunikasi tidak dititikberatkan dalam didikan dan budaya Melayu.

Sehubungan itu, amalan berbudi bahasa dan berhati budi mulia orang Melayu perlu sentiasa dibugarkan bagi mengangkat kembali dan membuktikan nilai ini merupakan salah satu elemen yang telah melonjakkan peradaban bangsa Melayu sejak dahulu lagi. Bersesuaian dengan penulisan ini, hati budi Melayu yang terkandung dalam lima warkah Melayu lama abad ke-19 akan dikenal pasti dan diuraikan. Hati budi yang dimaksudkan merupakan elemen minda dan jiwa yang bertindak secara bersama-sama dalam diri seseorang dan diterjemahkan dalam bentuk perlakuan, pekerti, norma, dan pemikiran. Tingkah laku ini boleh dilihat dalam diri seseorang atau dalam masyarakat. Dalam masyarakat, tindakan minda dan jiwa ini dilihat sebagai milik sepunya dan dapat menggambarkan keperibadian sosial masyarakat tersebut. Hakikatnya, hati budi dalam kajian ini merujuk keperibadian teras milik sepunya masyarakat Melayu abad ke-19 di kepulauan Melayu seperti yang tergambar dalam warkah kajian.

Warkah lama dipilih kerana merupakan khazanah Melayu yang tidak ternilai dan mencerminkan budaya hidup masyarakat lampau. Selain itu, penelitian berhubung hati budi Melayu melalui warkah lama dibuat bagi menambahkan lagi pengkajian serta penulisan berhubung warisan bangsa ini. Ayat atau kenyataan yang melambangkan hati budi Melayu, yang kebanyakannya dilahirkan secara tersirat dalam warkah kajian dikenal pasti dan diuraikan mengikut lima langkah kaedah analisis kandungan.

Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti hati budi Melayu yang terdapat dalam lima warkah Melayu lama abad ke-19.

Persoalan Kajian

Berdasarkan objektif kajian, maka persoalan kajian ialah apakah hati budi Melayu yang terdapat dalam lima warkah Melayu lama abad ke-19?

Penyataan Masalah

Sejak zaman penjajahan lagi orang Eropah suka memberikan pendapat dan pandangan berhubung kehidupan dan keperibadian orang Melayu. Salah seorang tokoh tersebut ialah Frank Swettenham (1984), pegawai tinggi British yang tinggal dan berjaya menangani permasalahan orang Melayu melalui buku tulisannya *The Malay Sketches*. Manakala Laurent Metzger (2009) dalam Nilai-nilai Melayu: Satu Sudut Pandangan Orang Luar menyuarakan pandangannya berhubung masyarakat Melayu pada zaman penjajahan hingga abad ke-21. Dalam kalangan pengkaji tempatan pula, penulisan banyak tertumpu mengenai sikap, nilai-nilai murni, dan amalan kehidupan masyarakat Melayu. Hanya beberapa kajian yang membincangkan tentang hati budi orang Melayu secara khusus. Antaranya, kajian yang dijalankan oleh Mohammad Fadzeli Jaafar (2000) dan Mohd. Rashid Md. Idris (2011). Kedua-dua kajian menumpukan tradisi kesopanan dan konsep budi dalam kehidupan masyarakat Melayu melalui pantun. Ismail Noor dan Muhammad Azaham (2000) pula menjalankan kajian berhubung *status quo* orang Melayu dengan memaparkan profil Melayu jati di Malaysia. Manakala Jeannot Abdul Karim dan Khairul Anuar Rezo (2012) pula menghasilkan skala pengukuran secara statistik bagi menentukan nilai Melayu.

Memandangkan belum banyak kajian dan penulisan berhubung hati budi Melayu dalam manuskrip Melayu, maka penulis memilih warkah Melayu lama abad ke-19 sebagai bahan kajian. Selain menjadi saluran komunikasi bagi masyarakat dahulu, warkah Melayu turut mempunyai bentuk dan gaya penulisan yang unik. Sebanyak lima pucuk warkah abad ke-19 dianalisis bagi mengenal pasti hati budi Melayu yang terkandung di dalamnya. Secara tidak langsung, penulisan ini dibuat bagi menambah kajian dan dapatan berkaitan nilai dan hati budi orang Melayu melalui manuskrip lama. Selain itu, penulisan ini juga sebagai memartabatkan lagi khazanah warkah Melayu lama yang merupakan warisan ilmu yang tidak boleh dicari ganti.

Sorotan Literatur

Dalam membicarakan penulisan tentang keperibadian sosial orang Melayu, Tenas Effendy sangat gigih menghidupkan jati diri mahupun adat resam Melayu semasa hayatnya. Tenas Effendy (2003a) dalam bukunya yang bertajuk *Ethos Kerja* memberikan petua, nasihat, dan tunjuk ajar kepada anak muda tentang semangat bekerja ketika melaksanakan kegiatan pembangunan. Seterusnya dalam buku *Kegotongroyongan dan Tenggang Rasa*, Tenas Effendy (2003b) telah menurunkan ungkapan yang menjelaskan keutamaan bergotong-royong dalam adat dan tradisi orang Melayu. Manakala dalam buku *Tunjuk Ajar Melayu*, Tenas Effendy (2006) telah menghuraikan hasil kajiannya berhubung kekayaan seni budaya Melayu. Dalam buku ini diperturunkan petua, petunjuk, nasihat, amanah, pengajaran, dan contoh teladan yang bermanfaat bagi kehidupan manusia. Berdasarkan ketiga-tiga karya Tenas Effendy ini, himpunan kata-kata nasihat tersebut membuktikan bahawa orang Melayu telah pun ada panduan dan peraturan kehidupannya, yang diwarisi daripada nenek moyang sejak dahulu lagi.

Salah seorang Inggeris yang pernah menulis tentang amalan budi bahasa orang Melayu dalam kehidupan seharian di sekitar tahun 1950-an ialah M.C. ff Sheppard. Sheppard (1965) dalam bukunya yang bertajuk *Malay Courtsey* memaparkan amalan seharian masyarakat Melayu yang diperhatikannya ketika berjumpa dan bersalam, di rumah, musim menuai, perkahwinan, sembahyang Jumaat, serta kelahiran-kematian. Amalan ini sebenarnya merupakan antara hati budi yang melambangkan jati diri orang Melayu yang perlu dipelihara dalam mengangkat nilai-nilai Melayu itu. Seterusnya, anak tempatan Pendeta Za'ba banyak menulis tentang kelemahan pendidikan, kemunduran, dan kemiskinan orang Melayu. Za'ba (2005) melalui buku *Perangai Bergantung Kepada Diri Sendiri*, mengulas tentang sikap negatif orang Melayu dalam hal beragama. Za'ba menyimpulkan bahawa sifat negatif ini berpunca daripada tiadanya keyakinan kepada diri sendiri dan sikap malas. Sungguhpun demikian, Za'ba cuba mengangkat martabat bangsa sama ada dalam bidang ikhtisas, kemahiran, mahupun perniagaan.

Satu lagi catatan yang menghuraikan kekuatan dan keistimewaan masyarakat Melayu ialah kajian yang telah dilakukan oleh Ismail Noor dan Muhammad Azaham (2000). Mereka menghuraikan sejarah pertumbuhan masyarakat Melayu di alam Melayu bermula dari zaman Srivijaya dan kegemilangan Melaka, serta ketika kedatangan penjajah Portugis, Belanda, dan Inggeris. Beliau turut memaparkan momen kritikal serta kesengsaraan yang terpaksa ditempuh oleh orang Melayu pada zaman penjajahan kuasa Barat ini, termasuklah sewaktu serangan ke atas mata wang Malaysia oleh anasir-anasir luar pada tahun 1997. Sementara itu, Mohd. Rashid Md. Idris (2011) membuktikan dengan jelas kehadiran nilai kebijaksanaan Melayu dalam kegiatan kehidupan menerusi pantun tradisi Kumpulan Pantun Melayu (1983).

Sebanyak 2,052 rangkap pantun yang meliputi 11 tema telah dianalisis menggunakan Teori Falsafah Bahasa yang menjelaskan hubungan erat antara bahasa dengan pemikiran penuturnya. Ringkasnya, tiga komponen utama yang menentukan ukuran kebijaksanaan orang Melayu ialah ilmu pengetahuan, pandangan alam semesta dan nilai, serta akhlak. Selain itu, satu kajian telah dilakukan oleh Hashim Haji Musa (et.al 2012) berpandukan penelitian keadaan hati budi orang Melayu. Kajian ini bertitik tolak daripada anggapan bahawa orang yang mempunyai nilai etika, moral, dan akhlak yang tinggi dipandang mulia oleh masyarakat kerana berbudi pekerti dan beradab sopan, berbudi bahasa dan berbicara dengan santun, bernas dan berwibawa, berhati budi yang tinggi serta bijaksana.

Hasil pemaparan kajian dan penulisan tentang hati budi dan keperibadian sosial orang Melayu oleh pengkaji tempatan mahupun luar ini telah membuktikan bahawa bangsa Melayu ialah bangsa yang bertamadun dan bermaruah kerana mempunyai teras keperibadian serta jati diri yang tersendiri. Sungguhpun demikian, kebanyakan penulisan tersebut merupakan hujahan mahupun persepsi penulis yang diperoleh melalui pengalaman dan penerokaan terhadap puisi lama Melayu. Sehubungan itu, kajian tentang hati budi Melayu dalam warkah Melayu lama merupakan satu keperluan supaya khazanah bangsa yang mengandungi sumber maklumat rasmi kebanyakan kerajaan Melayu dahulu ini disuburkan. Hal ini bertepatan dengan pandangan Abd. Razak Abd. Karim dalam Saiful Bahri Kamaruddin (2015) yang menyatakan bahawa bangsa Melayu akan menyesal kelak kiranya penyelidikan terhadap manuskrip lama Melayu, khususnya surat-menyurat diabaikan. Sehubungan itu, pastinya kajian ini mampu memberikan dapatan yang menarik kerana nilai hati budi Melayu dalam isi kandungan warkah yang dipilih hanya boleh dikenal pasti dan diinterpretasi secara tersirat.

Metodologi

Kajian ini mengenai pengenalanpastian hati budi orang Melayu dalam warkah lama. Kajian berbentuk deskriptif ini dijalankan menggunakan kaedah analisis kandungan melalui penelitian dan analisis terhadap warkah yang dipilih. Hal ini bersesuaian dengan pendapat Syed Arabi Idid (1993) yang menyatakan, analisis kandungan ialah satu kaedah penyelidikan yang membuat tumpuan terhadap mesej dengan membuat pengamatan secara sistematik terhadap kategori yang dipilih oleh penyelidik. Daripadanya, penyelidik membuat kesimpulan dan membina pendapat terhadap sesuatu isu. Menurut Noor Aina Dani (2011) pula, kaedah analisis kandungan terdiri daripada lima langkah, iaitu persampelan, kategori, sistem perhitungan, unit catatan, dan unit konteks.

Dalam kajian ini, kaedah persampelan bertujuan (*purposive sampling*) diaplikasikan dengan memilih sampel yang bersesuaian dengan aspek yang dikaji. Sehubungan itu, lima warkah Melayu lama abad ke-19 karangan raja dan pembesar Melayu kepada pihak Inggeris dianalisis untuk membuktikan kehadiran hati budi Melayu. Nilai mulia kehidupan dijadikan fokus kajian, yang digarap daripada 26 komponen teras hati budi Melayu susunan Hashim Haji Musa (2008). Manakala sistem perhitungan yang digunakan dalam mengenal pasti hati budi dalam warkah- kajian ialah pengekodan binari. Ayat atau kenyataan yang menggambarkan hati budi akan dikodkan mengikut nombor bilangan warkah dan kekerapannya. Seterusnya dapatan dianalisis dan diinterpretasikan mengikut unit konteks dan unit catatan seperti yang telah ditetapkan.

Dapatan kajian

Bersesuaian dengan kaedah analisis kandungan, maka dapatan kajian ini akan dihuraikan satu persatu mengikut lima langkah, iaitu persampelan, kategori, sistem perhitungan, unit catatan, dan unit konteks.

Persampelan

Bahan kajian ialah lima warkah Melayu lama karangan raja dan pembesar Melayu yang ditulis antara tahun 1840 hingga 1900, yang dikenali sebagai Surat-surat Terkemudian dalam *The*

Legacy of the Malay Letter (Annabel Teh Gallop, 1994). Berikut disenaraikan lima warkah tersebut.

Jadual 1: Warkah Melayu Lama yang Dikaji

Bil Warkah	Warkah Daripada	Kepada	Tarikh/Tahun
1	Sultan Brunei	Raja Sarawak James Brooke	11 Ramadan 1268 29 Jun 1852
2	Sultan Muhammad dari Selangor	E.A.Blundell	29 R/akhir 1272 8 Januari 1856
3	Datu' Kelana Putera dari Semujung dan Datu' Laila	Gabenor Negeri-negeri Selat	8 J/akhir 1275 13 Januari 1858
4	Maharaja dari Rembau Raja Ahmad dari Kedah	E.A.Blundell	28 Zulhijah 1272 30 Ogos 1856
5	Raja Ali Haji	H.von de Wall	18 Muharam 1288 9 April 1871

Kategori

Kategori yang dipilih untuk penulisan ini ialah ayat atau kenyataan yang mencerminkan hati budi Melayu. Daripada 26 teras hati budi Melayu susunan Hashim Haji Musa (2008), 8 daripadanya menggambarkan nilai mulia kehidupan yang bersesuaian dengan fokus kajian ini. Berikut ialah fokus teras hati budi Melayu yang dikaji.

1. Setia kepada ketua yang adil, terpuji, dan benar.
2. Halus budi bahasa dan budi pekerti.
3. Hormat dan khidmat dalam pergaulan dan dengan tetamu.
4. Menanam budi dan membalas budi.
5. Sifat kasih sayang.
6. Kejujuran dan keikhlasan.
7. Berbaik sangka terhadap sesama makhluk.
8. Sifat amanah.

Sistem Perhitungan

Sistem perhitungan yang digunakan oleh penulis ialah pengekodan binari. Pengekodan adalah mengikut bilangan warkah serta kekerapannya bagi setiap ayat atau kenyataan yang membuktikan kehadiran hati budi Melayu.

Jadual 2: Hati Budi Melayu dalam Warkah Kajian

Kategori (No./Bilangan Warkah)	Pengekodan	Kekerapan
Hati budi Melayu dalam warkah kajian	1	4
	2	2
	3	2
	4	2
	5	2
Jumlah		12

Warkah 1

1. Unit Catatan:

“Bahawa inilah surat al-ikhlas wa tukhfat al-ajnas yang terbit daripada fuad al-zakiat yang suci lagi haning yang tiada menaruh syak dan waham di dalamnya...”

Unit Konteks:-

Hati Budi Melayu:

Halus budi bahasa dan budi pekerti; hormat dan khidmat dalam pergaulan dan dengan tetamu; kejujuran dan keikhlasan; dan berbaik sangka terhadap sesama makhluk.

Nilai Mulia:

Orang Melayu amat menghormati orang lain tidak kira sama ada ketika bertemu, mahupun dalam bentuk kiriman warkah. Kata-kata aluan warkah ini telah menunjukkan keikhlasan kiriman warkah tersebut dan tiada rasa syak atau buruk sangka antara pengirim, Sultan Brunei dengan penerima surat iaitu Raja Sarawak, James Brooke.

2. Unit Catatan:

“...hal surat sari paduka sahabat kita yang dibawa Tuan Low itu telah sampailah sudah kepada kita dangan selamatnya, serta kita banyak menerima kasih sabab kita dapat khabar daripada paduka sahabat kita.”

Unit Konteks:-

Hati Budi Melayu:

Halus budi bahasa dan budi pekerti; hormat dan khidmat dalam pergaulan dan dengan tetamu; dan menanam budi dan membalas budi.

Nilai Mulia:

Sultan Brunei menghargai kiriman warkah daripada James Brooke dengan memaklumkan bahawa surat yang dikirim telah sampai dan mengucapkan terima kasih. Walaupun sekadar balasan memaklumkan telah menerima warkah yang dikirim, tindakan ini membuktikan bahawa orang Melayu amat menghargai budi baik orang lain.

3. Unit Catatan:

“...ada dapat khabar ada orang berbuat perkhawaran di belakang sahabat kita yang tiada batul akan sahabat kita, itu perkara kita tiada tahu, sabab kita tiada perduli perkara yang demikian yang tiada baik, kita suka jikalau ada satu2 perikhtiaran atau perjalanan yang kebetulan serta dangan keterangan, itu yang kita suka.”

Unit Konteks:-

Hati Budi Melayu:

Berbaik sangka terhadap sesama makhluk.

Nilai Mulia:

Sultan Brunei tidak mempercayai dan tidak mengambil peduli perkhabaran negatif yang didengari mengenai James Brooke. Beliau hanya akan mempertimbangkan sesuatu perkhabaran yang berserta dengan bukti dan keterangan lanjut. Tindakan ini menggambarkan bahawa Sultan Brunei mempunyai jati diri yang tersendiri dan tidak mudah menerima hasutan.

4. Unit Catatan:

“Dan seperti hal Tuan Burns, ada dia datang sama kita dari Singapura pakai sikoci, dia minta sama kita mau melihat surat sahabat kita yang kepada Orang Kaya Pemanca Bintulu. Maka kita jawab sama dia, "Apa guna itu surat tiada sama kita, kita tiada tahu". Maka itu Burns kuat juga minta, jikalau boleh itu surat mesti dia kasih ringgit, sabab dia mau salin”

Unit Konteks:-

Hati Budi Melayu:

Sifat amanah.

Nilai Mulia:

Sifat amanah dan bertanggungjawab yang dipegang oleh Sultan Brunei memang terserlah dengan berlaku jujur mengatakan yang baginda tidak memegang surat James Brooke kepada Orang Kaya Pemanca Bintulu itu. Baginda juga tidak mengendahkan wang ringgit yang disogokkan oleh Tuan Burns.

Warkah 2

5. Unit Catatan:

“... surat tulus dan ikhlas serta kasih sayang tiada berkeputusan selagi ada peredaran matahari dan bulan....”

Unit Konteks:-

Hati Budi Melayu:

Setia kepada ketua yang adil, terpuji, dan benar; dan sifat kasih sayang.

Nilai Mulia:

Sifat ikhlas, setia, dan kasih sayang Sultan Muhammad dari Selangor terhadap E.A Blundell, Gebanor Negeri-negeri Selat dengan mengirim surat tanda ingatan dan balasan makluman. Tindakan Sultan Selangor ini sejajar dengan sifat orang Melayu yang akan menyanjungi ketua mereka tanda taat setia selagi ketua tersebut melaksanakan tanggungjawab dengan adil.

6. Unit Catatan:

“Maka adalah kita menyatakan kepada sahabat kita dan hal surat sahabat kita itu setelah sampailah kepada kita dengan selamatnya...”

Unit Konteks:-

Hati Budi Melayu:

Hormat dan khidmat dalam pergaulan dan dengan tetamu.

Nilai Mulia:

Menjadi tanggungjawab dan tanda beradab orang Melayu dengan memaklumkan pengirim bahawa surat kirimannya telah diterima, seperti yang dilakukan oleh Sultan Selangor ini.

Warkah 3

7. **Unit Catatan:**

“Surat tulus ikhlas kasih sayang yang tiada berputusan dan berkesudahan selagi ada peredaran cakrawala matahari dan bulan, apalah kiranya ke hadapan manjlis sahabat beta Tuan Behormat E.A.Blundell Esquire Gurnur Pulau Pinang Singapura dan Melaka serta sangat setiawan dan dermawan dengan arif bijaksana gah masyhur kepujian sampai ke mana2 pandai pada melakukan berkasih-kasihan dan bertolong-tolongan mengambil hati pada sekalian sahabat handai taulan karib dan baid.”

Unit Konteks:-

Hati Budi Melayu:

Halus budi bahasa dan budi pekerti; hormat dan khidmat dalam pergaulan dan dengan tetamu; sifat kasih sayang; dan kejujuran dan keikhlasan.

Nilai Mulia:

Sifat jujur, ikhlas dan kasih sayang yang mendalam serta tidak berkesudahan selagi ada peredaran matahari dan bulan daripada Raja Kedah terhadap Gabenor Negeri-negeri Selat digambarkan dengan melalui kata-kata aluan surat yang dikirimkan. Hati budi murni raja Melayu ini digambarkan juga melalui kata-kata sangat setiakawan, dermawan, bijaksana, masyhur, berkasih-kasihan, dan bertolong-tolongan yang mengagung-agungkan pemerintah Inggeris tersebut.

8. **Unit Catatan:**

“...barang tahu sahabat beta bahawa akan surat sahabat beta...sudahlah sampai, fahamlah beta segala yang tersebut di dalamnya itu.”

Unit Konteks:-

Hati Budi Melayu:

Setia kepada ketua yang adil, terpuji, dan benar; dan hormat dan khidmat dalam pergaulan dan dengan tetamu.

Nilai Mulia:

Orang Melayu memang menghormati dan mengutamakan ketua walaupun berlain bangsa. Raja Ahmad ini misalnya, mengirim balas warkah kepada Gabenor Neger-negri Selat tersebut dan memaklumkan tindakan yang akan diambil.

Warkah 4

9. **Unit Catatan:**

“Warkat al-mubarak serta tulus ikhlas suci putih hati... yang beroleh pangkat kebesaran serta kemuliaan amin.”

Unit Konteks:-

Hati Budi Melayu:

Halus budi bahasa dan budi pekerti; dan kejujuran dan keikhlasan.

Nilai Mulia:

Dengan hati yang bersih dan tulus ikhlas Datuk Kelana Petra dan Datuk Laila Maharaja yang memerintah daerah di Negeri Sembilan mengirim warkah kepada Gabenor Negeri-negeri Selat. Selain itu, beliau juga mengharapkan agar Tuan Gabenor beroleh kekuasaan dan keagungan dalam pemerintahannya. Nilai ini mencerminkan kehalusan, dan kemuliaan pekerti orang Melayu terhadap pemerintah Inggeris.

10. **Unit Catatan:**

“...janganlah sahabat kita sangkakan kejahatan halnya, semata2 kebajikan barang segala, jikalau ada orang2 lain mengatakan kejahatan, orang itulah yang tiada suka melihat kebajikan, demikianlah adanya.”

Unit Konteks:-

Hati Budi Melayu:

Berbaik sangka terhadap sesama makhluk.

Nilai Mulia:

Pemerintah Melayu di daerah Semujung dan Rembau ini memohon agar Gabenor Negeri-negeri Selat supaya tidak berprasangka buruk atau mendengar fitnah pihak luar tentang hasrat mereka untuk bertemu. Sikap pemerintah Melayu ini membuktikan bahawa orang Melayu mengutamakan baik sangka dan keterbukaan dalam urusan kehidupan.

Warkah 5

11. **Unit Catatan:**

“...kita dapat khabar kepada Datuk semalam, yang paduka sahabat kita akan berangkat ke Betawi kepada mil ini, lamanya dua tahun karena berobat. Jadi jika kita tiada uzur, petang2 sekarang atau esok kita berjumpa paduka sahabat kita jua.”

Unit Konteks:-

Hati Budi Melayu:

Halus budi bahasa dan budi pekerti.

Nilai Mulia:

Raja Ali Haji menanamkan semangat setiakawan dan menghormati orang lain walaupun berbeza bangsa. Beliau berikhtiar untuk melawat H. von de Wall yang dikhabarkan akan ke Betawi selama dua tahun untuk berubat. Sifat orang Melayu yang berpekerti dan memuliakan orang lain ini memang ternyata tertanam sejak dahulu lagi.

12. Unit Catatan:

“Pagi ini kita hendak pergi mengambil anak2 kita di Pengujan dibawa di Penyengat sebab demam. Dan air terlalu kering, jadi terhenti kita sebentar menantikan pukul sepuluh menurunkan sekoci, baharu dapat air adanya.”

Unit Konteks:-

Hati Budi Melayu:

Sifat amanah.

Nilai Mulia:

Raja Ali Haji berusaha untuk membawa pulang anaknya yang sedang demam di Pengujan walaupun air sungai sedang surut dan perahu tidak dapat mudik ke hulu. Beliau sanggup menunggu sehingga air pasang untuk meneruskan perjalanan. Tindakan beliau ini membuktikan bahawa orang Melayu dahulu mempunyai sifat yang cekal dalam melaksanakan tanggungjawab dan amanah tuhan, terutamanya yang melibatkan keluarga dan anak-anak.

Analisis kandungan warkah kajian menunjukkan kebanyakan warkah dimulakan dengan kata-kata aluan yang menggambarkan rasa ikhlas yang mendalam pengirim kepada penerima hingga melambangkannya seperti bulan, bintang, dan cakerawala yang ada. Selain itu, pada bahagian kata-kata aluan juga, raja atau pembesar Melayu mengagung-agungkan penerima warkah iaitu orang Inggeris dengan mengharapakan kemuliaan mereka dalam mentadbir negeri-negeri Melayu ini. Seterusnya, pembesar Melayu juga amat menghargai dan menghormati orang Inggeris dengan mengirim warkah balasan walau sekadar mengucapkan terima kasih atas kiriman warkah yang telah diterima. Dalam warkah yang diteliti ini juga, ada digambarkan hati budi orang Melayu yang suci dengan tidak buruk sangka terhadap orang lain. Sultan Brunei dalam warkahnya kepada Raja Sarawak ada menyatakan bahawa beliau tidak mempercayai perkhabaran buruk yang dilemparkan musuh terhadap James Brooke, sehingga ditunjukkan dengan bukti atau keterangan. Manakala Raja Ali Haji yang dalam kekangan tetap berusaha untuk melawat H. von de Wall yang akan ke Betawi selama dua tahun untuk berubuh. Keadaan ini membuktikan bahawa orang Melayu mempunyai hati budi yang luhur dan memelihara semangat setiakawan walaupun berbeza bangsa. Seterusnya, hati budi orang Melayu dalam warkah kajian ini dikenal pasti melalui rasa tanggungjawab yang ditunjukkan oleh Raja Ali Haji terdapat anaknya. Beliau bersusah payah menunggu air pasang supaya perahunya dapat mudik ke hulu untuk membawa pulang anaknya yang sedang demam di Pengujan ke Penyengat.

Kajian ini secara tidak langsung mengetengahkan keperibadian sosial masyarakat Melayu lama serta peradaban bangsa yang diwarisi hingga kini. Kajian berhubung warkah lama ini berlainan berbanding kajian lain yang kebanyakannya berkisar tentang komponen dalam binaan warkah serta strategi komunikasi yang digunakan oleh pengirim. Selain itu, kajian berhubung aspek morfologi, analisis wacana kritis, sistem pengejaan jawi-rumi dalam warkah Melayu, dan ilmu diplomatik Melayu turut mendapat tempat dalam kajian warkah sebelum ini. Manakala lain-lain kajian berhubung nilai dan keperibadian masyarakat Melayu lebih bersifat penghuraian konseptual, statistik, dan teoritikal. Sehubungan itu, pengkaji mengisi kelompangan ini dengan kajian mengenal pasti dan menganalisis hati budi orang

Melayu yang terdapat dalam warkah Melayu lama, yang menggambarkan keperibadian sosial masyarakat yang menulis warkah tersebut.

Kesimpulan

Terdapat banyak kajian dan penulisan yang dibuat orang Inggeris mahupun masyarakat tempatan yang memaparkan keperibadian orang Melayu. Penulisan ini juga secara tidak langsung membuktikan bahawa bangsa Melayu sejak dahulu lagi mempunyai akhlak, budi pekerti, kesantunan, dan jati diri yang tersendiri. Hal ini sedikit sebanyak telah mengangkat martabat orang Melayu sebagai masyarakat yang teguh jati dirinya, yang menjadi teras kepada pembinaan peradaban bangsa.

Bersesuaian dengan penulisan ini, penulis telah mengkaji lima pucuk warkah Melayu lama abad ke-19 dalam mengenal pasti hati budi Melayu yang terkandung di dalamnya. Sebanyak 12 nilai mulia telah dikenal pasti, yang diterjemahkan secara tersirat melalui isi kandungan warkah kajian. Dapatan kajian membuktikan kehadiran hati budi dalam setiap kegiatan kehidupan orang Melayu. Hal ini juga menjelaskan bahawa bangsa Melayu yang suatu ketika dulu pernah disegani dengan kekuatan penguasaan pentadbiran dan perdagangan rempah ratus alam Melayu masih mewarisi kemuliaan hati budi walaupun di bawah penjajahan Inggeris. Sehubungan itu, keperibadian unggul ini wajar diwarisi dan dibugarkan kerana komponen hati budi telah terbukti menjadi teras dan paksi kekuatan peradaban Melayu silam.

Warkah Melayu lama dijadikan medium penilaian memandangkan warkah merupakan manuskrip terawal dan telah digunakan sebagai saluran komunikasi dan perhubungan antara pembesar dengan rakyat, antara pembesar dengan pemerintah Barat, dan antara pembesar di kepulauan Melayu pada waktu itu. Melalui bait kata dan ayat dalam setiap komponen warkah tercermin keperibadian masyarakat tersebut, yang digambarkan secara tersurat dan tersirat. Penganalisan hati budi dalam warkah Melayu lama ini menampakkan sesuatu yang bermanfaat terutama kepada pihak yang berminat dengan kajian yang berhubung dengan pemikiran, pekerti, keilmuan, dan norma kehidupan masyarakat Melayu lama.

Sesungguhnya kajian ini sangat sesuai dan bermanfaat, terutamanya dengan menjadikan manuskrip lama sebagai bahan kajian. Bersesuaian dengan kajian ini juga, analisis hati budi Melayu dalam warkah Melayu lama abad ke-19 didapati mampu memberikan gambaran tentang tahap keperibadian orang Melayu dan kewajaran jati diri serta peradaban tersebut diwarisi. Seperti yang kita sedia maklum, penganalisan keperibadian Melayu boleh dibuat berdasarkan bahan bertulis/bercetak, barang peninggalan, adat, atau adab yang diwarisi. Selain warkah, dicadangkan penerokaan keperibadian Melayu lama dibuat melalui penulisan manuskrip lama yang lain, contohnya hikayat atau kitab lama. Selain itu, kajian perbandingan dalam menentukan nilai keperibadian yang boleh dipelihara ataupun disingkirkan antara masyarakat Melayu lama dengan masyarakat Melayu kini menerusi dokumen yang ada misalnya hikayat atau novel turut disarankan dilakukan. Sebarang cadangan penambahbaikan, pengekalan atau penyingkiran keperibadian hasil daripada dapatan kajian adalah penting dalam usaha memartabatkan peradaban bangsa Melayu.

Rujukan

Arabi Idid, Syed. 1993. *Kaedah Penyelidikan Komunikasi dan Sains Sosial*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Gallop, A. T. 1994. *The Legacy of The Malay Letter – Warisan Warkah Melayu*. London: The British Library/Arkib Negara Malaysia.
- Hashim Haji Musa. 2008. *Hati Budi Melayu: Pengukuhan Menghadapi Cabaran Abad Ke-21*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Hashim Haji Musa, Normahdiah Sheik Said, Rozita Che Rodi, Siti Sarah Ab. Karim. 2012. Hati Budi Melayu: Kajian Keperibadian Sosial Melayu Ke Arah Penjanaan Melayu Gemilang. *GEMA Online Journal of Language Studies*. Vol.12(1), 163-182.
- Ismail Noor dan Muhammad Azaham. 2000. *Takkan Melayu Hilang di Dunia*. Subang Jaya: Pelanduk Publications (M) Sdn. Bhd.
- Jeannot Abdul Karim & Khairul Anuar Rezo. 2012. Pembentukan Skala Pengukuran Nilai Melayu: Satu Kajian Perintis. *Akademika*. 82(1) 2012: 113-123.
- Metzger, L. 2009. *Nilai-nilai Melayu: Satu Sudut Pandangan Orang Luar*. Tanjong Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Mohammad Fadzeli Jaafar. 2000. Tradisi Kesopanan dalam Pantun Melayu. *Jurnal Dewan Bahasa*. Jil. 44 Bil.5: 616-622.
- Mohd. Rashid Md. Idris. 2011. *Nilai Melayu dalam Pantun*. Tanjong Malim, Perak: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Noor Aina Dani. 2011. Aplikasi Kaedah Analisis Kandungan: Gambaran Budi Bahasa dan Nilai Murni Orang Melayu dalam Buku *Malay Courtesy*. *International Journal of the Malay World and Civilisation*, 29(1): 121-136.
- Saiful Bahri Kamaruddin. 2015, 25 Februari. Kajian Terhadap Persuratan Melayu Zaman Silam Perlu Ditingkatkan. *Berita Kampus UKM*. <http://www.ukm.my/news/index.php/ms/berita-kampus/2021-call-to-step-up-study-on-historical-malay-letters-.html>
- Sheppard, M.C. ff. 1965. *Malay Courtesy*. Singapore: Eastern Universities Press Ltd.
- Swettenham, F. 1984. *Malay Sketches*. Singapura: Graham Brash (Pte Ltd).
- Tenas Effendy. 2003a. *Ethos Kerja*. Pekanbaru: Unri Press.
- Tenas Effendy. 2003b. *Kegotongroyongan dan Tenggang Rasa*. Pekanbaru: Unri Press.
- Tenas Effendy. 2006. *Tunjuk Ajar Melayu*. Yogyakarta: Balai Kajian dan Pengembangan Budaya Melayu bekerjasama dengan Penerbit AdiCita.
- Za'ba. 2005. *Perangai Bergantung kepada Diri Sendiri*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

LAMPIRAN

1. Surat Sultan Brunei kepada Raja Sarawak James Brooke, 11 Ramadan 1268 (29 June 1852)

PRO F.O.I2/11.f.t35

Cap: [lihat cat.84]

Wa-al-shams wa-al-qamar

Bahawa inilah surat al-ikhlas wa tukhfah al-ajnas yang terbit daripada fuad al-zakiat yang suci lagi haning yang tiada menaruh syak dan waham di dalamnya, iaitu daripada kita Bawah Duli Sultan Umar Ali Saifuddin ibn al-marhum serta dengan Pengiran Muda Muhammad ibn al-marhum Muhammad Kanzul Alam serta Pengiran Anak Mumin yang mempunyai perintah alam negeri Brunei serta dengan daerah takluknya, mudah2han disampaikan Tuhan satu sekalian alam apalah kiranya datang kepada sari paduka sahabat kita Tuan Besyar James Brooke Keminder in Kemisinir [Commander and Commisioner] Raja Sarawak yang ada kepada masa getika ini memigang perintah negeri Labuan.

Syahadan daripada itu adalah kita menyatakan seperti hal surat sari paduka sahabat kita yang dibawa Tuan Low itu telah sampailah sudah kepada kita dengan selamatnya, serta kita banyak menerima kasih sebab kita dapat khabar daripada paduka sahabat kita. Maka adalah menyatakan kepada paduka sahabat kita seperti hal sahabat kita ada dapat khabar ada orang berbuat perkhawaran di belakang sahabat kita yang tiada batul akan sahabat kita, itu perkara kita tiada tahu, sebab kita tiada perduli perkara yang demikian yang tiada baik, kita suka jikalau ada satu2 perikhtiaran atau perjalanan yang kebetulan serta dengan keterangan, itu yang kita suka. Dan seperti hal Tuan Metali, dahulu dia datang sama kita, tiada satu2 apa bicaranya, dia suka mau berjumpa sama kita saja serta dia kasih senapang enam biji kepada kita. Kemudian kali ada lagi dia datang di Brunei, lain kali datang lagi di Brunei, lalu membawa bicara perjanjian batu harang, demikianlah. Dan seperti hal Tuan Burns, ada dia datang sama kita dari Singapura pakai sikoci, dia minta sama kita mau melihat surat sahabat kita yang kepada Orang Kaya Pemanca Bintulu. Maka kita jawab sama dia, "Apa guna itu surat tiada sama kita, kita tiada tahu." Maka itu Burns kuat juga minta, jikalau boleh itu surat mesti dia kasih ringgit, sebab dia mau salin, dia mau tunjukkan sama Tuan Napier, demikianlah. Seperkara lagi, ada Tuan Burns bilang sama kita, "Jikalau Tuan Sultan mau ada satu2 perikhtiaran atau mau kirim surat sama Queen, ini ada Tuan Metali, dia boleh sampaikan di Eropa, dia punya kongsi ada di Eropa, Tuan w-a-y-s boleh dia sampaikan sama Queen", demikianlah khabar Tuan Burns sama kita. Metali ada juga di Brunei sama dia, itu yang bilang Tuan Burns sama kita, demikianlah yang kita dengar adanya, sebab kita tiada perduli itu perkara Burns. Kita pikir, jikalau kita ada mau kasih surat kepada sahabat kita Queen atau sahabat kita, apa guna kita kasih lain orang, kita boleh antar di Labuan di dalam qawat sahabat kita, demikianlah. Maka sekarang itulah yang kita tahu, lain daripada itu kita tiada tahu, jikalau ada mendengar yang lain2 daripada itu, mesti kita boleh menyatakan juga kepada Sari Paduka sahabat kita, demikianlah adanya. Maka suatupun tiada tanda hayat kepada sahabat kita, hanyalah kita kirim tabi jua adanya. **Tamat {tt} al-kalam bi-al-khayr.**

Termaktub warkah ini kepada sebelas hari bulan Ramadan pada hari Selasa jam pukul sepuluh *fi* sanat 1268.

**2. Surat Sultan Muhammad dari Selangor kepada E.A.Blundell,
29 Rabiulakhir 1272 (8 January 1856).**

BL MSS.Eur.G.38/III, f.134d

Cap: al-Mutawakkil bi-al-malik al-haqq al-mubin al-Sultan Muhammad huwa ajdar al-muwarithin ibn al-marhum al-Sultan Ibrahim sanat 1241 / wa-ati 'u al-lah wa-ti'u l-rasua wa'uli al- amri minkum li-'llah al-amr min qabl wa-min ba'd

Qawluh al-haqq

Bahawa ini surat tulus dan ikhlas serta kasyih sayang tiada berkeputusan selagi ada peredaran matahari dan bulan, iaitu daripada beta Yang Dipertuan Selangor yang telah ada bersemayam ketika ini di dalam Kelang, maka barang disampaikan oleh Tuhan seru alam sekalian apalah kiranya datang ke hadapan manjlis sahabat kita Tuan Behormat Blundell Esquire Gurnur Pulau Pinang Singapura Melaka.

Maka adalah kita menyatakan kepada sahabat kita dan hal surat sahabat kita itu setelah sampailah kepada kita dengan selamatnya, yang kita punya menarima sukur kepada Allah subhanahu wa taala dengan sehabis2 suka kitalah adanya. Tamat.

Tersurat ini di dalam Kelang kepada 29 hari bulan Rabiulakhir sanat 1272.

Cap [dari naskah yang lain]: al-Sultan al-mukaram huwa mulia al-Sultan Abdul Samad ibn akhi al-marhum al-Sultan Muhammad bandar Selangor sanat 1277 [AD 1860]

Verso:

No.4. Surat daripada Yang Dipertuan negeri Selangor kepada Behormat Gabenor Pulau Pinang Singapura dan Melaka, pasal ia sudah terima surat dan pelakat cetera peperangan antara lasykar Rusya dengan Inggeris, tarikh surat pada 17 hari bulan Januari 1856.

**3. Surat Datu' Kelana Putera dari Semujung dan Datu' Laila Maharaja dari
Rembau kepada Gabenor Negeri-Negeri Selat,
8 Jamadilakhir 1275 (13 January 1858).**

BL MSS.Eur.G.38./III,f.117b

Cap 1: Sultan Muhammad Jalil.....negeri.....

Cap 2: Sedia Raja bin Laila Maharaja kurnia Bendahara Seri Maharaja sanat 1255 [AD 1859]

Warkat al-mubarak serta tulus ikhlas suci putih hati daripada Datu' Kelana Petra yang ada merintah di dalam bandar Semujung, serta Datu' Laila Maharaja yang merintah di dalam banda(r) Rembau, barang diwasilkan Allah taala datang ke hadapan Tuan Gabenor yang ada merintah tiga buah negeri Pulau Pinang Singapura Melaka yang beroleh pangkat kebesaran serta kemuliaan amin.

Wabadahu daripada itu dahulu ada kita antar satu surat pada sahabat kita yang kita hendak bertemu dengan sahabat kita. Maka sahabat kita pun ada balas surat mengatakan lalu segala sahabat kita datang ke Melaka mau bertemu. Maka inilah kita beri lagi satu surat anak saudara kita Sayid Abdul Rahman bertemu dengan sahabat kita, apa khabar boleh sahbat kita khabarkan kepada dia. Dan lagi dari pasal kita hendak bertemu ini, janganlah sahabat kita sangkakan kejahatan halnya, semata2 kebajikan barang segala, jikalau ada orang2 lain mengatakan kejahatan, orang itulah yang tiada suka melihat kebajikan, demikianlah adanya.

Terkarang surat ini kepada delapan hari bulan Jamadilakhir sanat 1270.

**4. Surat Raja Ahmad dari Kedah kepada E.Blundell,
28 Zulhijah 1272 (30 August 1856)**

RL MSS.Eur.G.38/III. f.135b

Cap: Raja Ahmad ibn Zainal Rasyid

A l-mustahaqq

Surat tulus ikhlas kasih sayang yang tiada berputusan dan berkesudahan selagi ada peredaran cakrawala matahari dan bulan, iaitu daripada beta Raja Ahmad Tajuddin ibn al-marhum Yang Dipertuan Paduka Seri Sultan Zainal Rasyid yang memerintah kerajaan negeri Kedah Darulaman, barang diwasilkan Tuhan seru sekalian alam apalah kiranya ke hadapan manjlis sahabat beta Tuan Behormat E.A.Blundell Esquire Gurnur Pulau Pinang Singapura dan Melaka serta sangat setiawan dan dermawan dengan arif bijaksana gah masyhur kepujian sampai ke mana2 pandai pada melakukan berkasih-kasihan dan bertolong-tolongan mengambil hati pada sekalian sahabat handai taulan karib dan baid.

Wabadahu dari itu barang tahu sahabat beta bahawa akan surat sahabat beta beri mari yang tertulis kepada 11 hari bulan August tahun 1856, tersebut pasal budak2 anak baik negeri Kedah empat orang dan adik beta Tunku Yakub dan Tunku Yusuf, serta pasal orang perompak itu sudahlah sampai, fahamlah beta segala yang tersebut di dalamnya itu. Maka jadi bertambah2lah banyak pertolongan sahabat beta di atas beta, beri makan budak2 keempat orang itu mengaji bahasa Inggeris, maka perintah adik2 beta kedua itu telah beta sedia menyukai jua adanya. Syahadan pasal perompak itu tiada bertentuan lagi di dalam beta duduk suruh siasat, apakala berjumpa beta suruh tangkap ambil dengan segeranya boleh beta hantarkan pada sahabat beta, ini beta nyatakan.

Diperbuat surat kepada dualapan likur hari bulan Zulhijah kepada hari Sabtu tamat 1272.

**5. Surat Raja Ali Haji kepada H.von de Wall,
18 Muharam 1288 (9 April 1871)**

RUL Cod. Or.3388B, no.4

Qawluh al-haqq

Salam kepada paduka sahabat kita Tuan von de Wall.

Syahadan kita dapat khabar kepada Datuk semalam, yang paduka sahabat kita akan berangkat ke Betawi kepada mil ini, lamanya dua tahun karena berobat. Jadi jika kita tiada uzur, petang2 sekarang atau esok kita berjumpa paduka sahabat kita jua. Pagi ini kita hendak pergi mengambil anak2 kita di Pengujan dibawa di Penyengat sebab demam. Dan air terlalu kering, jadi terhenti kita sebentar menantikan pukul sepuluh menurunkan sekoci, baharu dapat air adanya. Syahadan suatupun tiada burhan al-hayat hanyalah doa *bil'afihi 'alaina fi tarf al-laila wa-al-nahar amin*.

Tersurat 18 bulan al-Muharam sanah 1288.

Tandatangan: Raja Ali Haji

(Al Azhar & van der Putten 1992:529).